

Frequently Asked Questions for “AmBank Debit Card”

(i) Debit VISA AmBank

(ii) Debit Mastercard AmBank

(iii) Debit Mastercard TRUE by AmBank

Version: 20 September 2024

SOALAN-SOALAN LAZIM

Kad Debit AmBank anda menyokong tiga rangkaian kad debit - MyDebit (hanya diterima di Malaysia) dan VISA / Mastercard (diterima di Malaysia dan di luar negara). Dengan adanya kedua-dua jenama kad debit ini, kad debit anda boleh digunakan untuk pembayaran di lebih banyak kedai peruncit di Malaysia dan luar negara.

Apabila menggunakan Kad Debit AmBank anda di Malaysia, peruncit tersebut mempunyai pilihan untuk menerima dan memproses pembayaran kad anda sama ada melalui MyDebit, atau pun melalui VISA / Mastercard. Ini adalah selaras dengan objektif Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menggalakkan kecekapan sistem pembayaran dengan wujudnya satu kaedah untuk membolehkan peniaga mengurus kos operasi mereka melalui penggunaan rangkaian kad debit yang lebih murah. Ini akan mengurangkan tekanan ke atas peruncit untuk menaikkan harga terhadap pelanggan mereka bagi menampung kos yang tinggi berikutan penerimaan kad pembayaran. Sebagai makluman, anda tidak boleh meminta peruncit untuk menukar rangkaian kad debit pilihan mereka.

1. Apakah Kad Debit AmBank?
 - Kad Debit AmBank adalah satu kad ATM dan pembayaran untuk kegunaan di dalam dan luar negara.
 - Kad ini dilengkapi dengan ciri transaksi tanpa sentuh (VISA PayWave, Mastercard PayPass atau MyDebit tanpa sentuh) baharu yang membolehkan anda membuat pembelian harian dengan cepat dan selamat dengan satu sentuhan kad anda.
 - Kad ini dipautkan dengan Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic individu tersebut dan sebarang transaksi yang dicaj akan didebit secara terus daripada akaun yang ditetapkan. Jika anda menutup akaun ini, Kad Debit AmBank anda akan di tamatkan secara automatik.
2. Siapakah yang layak untuk mendapatkan Kad Debit AmBank?
 - Untuk Kad Debit AmBank - mana-mana individu berumur 12 tahun dan ke atas yang mempunyai Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic.
 - Untuk Debit Mastercard TRUE by AmBank - mana-mana individu berumur 18 tahun dan ke atas yang mempunyai Akaun AmBank TRUE Transact/Akaun-i TRUE Transact/Akaun TRUE Savers/Akaun-i TRUE Savers.
 - Semua warganegara Malaysia, warga asing dan Penduduk Tetap yang memiliki nombor telefon bimbit, email dan alamat yang sah.
 - Bagi akaun Amanah, kedua-dua pemegang amanah dan pemegang akaun boleh memohon untuk Kad Debit AmBank.
3. Bagaimana saya memohon untuk Kad Debit AmBank?
 - Kunjungi mana-mana cawangan AmBank terdekat untuk membuka Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic dan anda akan menerima Kad Debit AmBank anda dengan serta-merta.
 - Memohon melalui AmOnline.
4. Bagaimanakah jika terdapat dua penandatanganan atau lebih (akaun bersama) untuk Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic saya?
 - Kedua-dua layak untuk memohon Kad Debit AmBank, tertakluk pada mandat akaun deposit di mana salah seorang boleh menandatangani.
 - Setiap Pemegang Kad akan diberikan Kad Debit AmBank yang berlainan. Kad yang berasingan membolehkan setiap Pemegang Kad membuat transaksi dengan had pembelian dan PIN yang berlainan.
5. Apakah had pengeluaran dan perbelanjaan saya untuk Kad Debit AmBank?

Jenis Transaksi	Tersedia	Maksimum
Had pengeluaran harian ATM & Visa Plus <ul style="list-style-type: none">• 18 tahun dan ke atas• Bawah 18 tahun	RM1,000 RM200	RM5,000 RM5,000
Had pembelian harian <ul style="list-style-type: none">• 18 tahun dan ke atas• Bawah 18 tahun	RM5,000 RM200	RM10,000 RM5,000
Had tanpa sentuh (Ini adalah subset bagi had pembelian harian) <ul style="list-style-type: none">• Setiap transaksi• Setiap hari	RM250 ¹ RM1,000	Tidak berkaitan RM1,000

¹ Jika melebihi had, PIN mungkin diperlukan oleh pembaca/terminal bank tertentu.

Frequently Asked Questions for “AmBank Debit Card”

(i) Debit VISA AmBank

(ii) Debit Mastercard AmBank

(iii) Debit Mastercard TRUE by AmBank

Version: 20 September 2024

- Jika pembelian tanpa sentuh melebihi satu atau lebih daripada had, pembelian masih boleh dibuat dengan meleret atau memasukkan Kad ke dalam pembaca/terminal dan memasukkan PIN.
 - Bank boleh menyemak had ini dari semasa ke semasa.
6. Bagaimanakah cara untuk menukar had pembelian saya?
- Anda boleh menetapkan sendiri had pembelian runcit anda menerusi ATM kami atau melalui AmOnline. Secara alternatif, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami menerusi nombor talian 03-21788888 yang beroperasi setiap hari dari pukul 7 pagi sehingga 11 malam.
 - Anda boleh menukar had jumlah pembelian tanpa sentuh harian melalui AmOnline atau hubungi Pusat Panggilan kami menerusi nombor talian 03-21788888 yang beroperasi setiap hari dari pukul 7 pagi sehingga 11 malam.
7. Apakah had pembelian harian saya dengan kad debit saya selepas saya mengaktifkan Kad Debit saya?
- Had pembelian Kad Debit anda ditetapkan kepada RM5,000 selepas pengaktifan.
8. Bolehkah saya menukar had pembelian Kad Debit saya selain daripada RM5,000 yang ditetapkan?
- Ya, anda boleh menukar had pembelian kad debit anda melalui ATM kami atau hubungi Pusat Panggilan atau melawat cawangan kami.
9. Adakah kedua-dua “Had pengeluaran harian ATM & Visa Plus” dan “Had pembelian harian MyDebit, Mastercard dan VISA” digabungkan?
- Tidak, had pengeluaran dan had pembelian mempunyai had harian berlainan.
10. Saya mempunyai Akaun Simpanan dan Semasa AmBank/AmBank Islamic. Bagaimana saya menghubungkan akaun saya kepada Kad Debit AmBank saya?
- Anda kini boleh memilih sama ada ingin menjadikan Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic anda sebagai akaun utama untuk transaksi pembelian runcit. Sila kunjungi mana-mana cawangan AmBank terdekat dan kami akan membantu menghubungkan akaun anda mengikut pilihan anda.
 - Untuk Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic bersama, anda hanya boleh menghubungkan jika akaun mempunyai mandat untuk beroperasi secara bebas oleh setiap pemegang akaun bersama.
11. Bagaimanakah cara untuk saya membatalkan Kad Debit AmBank saya jika hilang atau dicuri?
- Sila hubungi Pusat Panggilan kami serta merta menerusi nombor talian 03-21788888 dan kami akan bantu membatalkan kad anda.
 - Anda dikehendaki mengunjungi mana-mana cawangan AmBank terdekat untuk menggantikan Kad Debit AmBank anda. Yuran penggantian adalah RM12 dan akan dicaj kepada Akaun Simpanan atau Semasa anda.
12. Bagaimanakah cara untuk saya menggantikan kad yang rosak?
- Sila kunjungi mana-mana cawangan AmBank terdekat untuk menggantikan kad anda. Yuran penggantian adalah seperti di bawah dan akan dicaj kepada Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic anda.
 - a) Kerosakan cip / Pembaharuan kad tamat tempoh: Tiada Caj dikenakan
 - b) Hilang/Rosak/lupa PIN: RM12
13. Apakah yang akan berlaku kepada bil automatik sedia ada saya setelah Kad Debit AmBank digantikan?
- Akan terdapat gangguan kepada transaksi bil automatik sedia ada disebabkan perubahan nombor kad anda. Anda dinasihatkan untuk memaklumkan pembekal perkhidmatan anda berkenaan pertukaran nombor kad anda.
14. Apakah keadaan di mana saya akan melihat “pegangan dana” di dalam akaun perbankan saya?
- Hotel - Ketika mendaftar masuk, jumlah pra-kebenaran tetap yang ditentukan oleh peniaga akan diperuntukkan ke dalam Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic anda. Semasa mendaftar keluar, jumlah pra-kebenaran akan ditolak dan jumlah sebenar akan dicaj.
 - Pembelian petrol di pam layan diri luar - jumlah pra-kebenaran tetap yang ditetapkan oleh peniaga akan diperuntukkan ke dalam Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic anda. Sebaik sahaja pihak bank menerima jumlah isian sebenar daripada bank perolehan, jumlah pra-kebenaran akan ditolak dan jumlah sebenar akan dicaj. Jumlah pre-kebenaran adalah sebanyak RM200 dan tempoh memegang pra-kebenaran selama 3 hari dari hari transaksi dilakukan. Untuk mengelak daripada pegangan pra-kebenaran, anda boleh terus ke juruwang dan memberitahu jumlah isian yang tepat.
15. Apa yang perlu saya lakukan jika kad saya hilang atau dicuri, PIN saya telah dikompromi atau jika saya menerima SMS amaran mengenai transaksi yang tidak sah?
- Anda boleh mendapatkan bantuan segera dengan menghubungi Pusat Panggilan kami serta merta menerusi nombor talian 03-21788888 .




Frequently Asked Questions for “AmBank Debit Card”

(i) Debit VISA AmBank

(ii) Debit Mastercard AmBank

(iii) Debit Mastercard TRUE by AmBank

Version: 20 September 2024

16. Bolehkah saya menggunakan kemudahan Pelan Bayaran Mudah (EPP-Easy Payment Plan) dan Pelan Bayaran Fleksi (FPP-Flexi Payment Plan) untuk pembelian dengan Kad Debit AmBank?
- Tidak, EPP dan FPP tidak boleh digunakan untuk Kad Debit AmBank.
17. Apakah logo-logo yang terdapat pada Kad Debit AmBank yang menunjukkan ia boleh digunakan untuk pembelian tanpa sentuh? Di manakah boleh saya menggunakannya?
- Tiga (3) logo yang menunjukkan Kad Debit AmBank boleh digunakan untuk pembelian tanpa sentuh:
 - a) VISA PayWave

 - b) Mastercard PayPass

 - c) MyDebit tanpa sentuh

 - Dengan Visa PayWave, Mastercard PayPass dan MyDebit tanpa sentuh, hanya sentuh kad anda di kaunter daftar keluar untuk melengkapkan pembelian anda. Sesuai digunakan di stesen petrol, restoran makanan segera, kafe, dan kedai runcit apabila masa menjadi asas.
18. Bagaimanakah cara saya menggunakan Kad Debit AmBank saya untuk pembayaran/pembelian tanpa sentuh?
- Cari logo Visa PayWave, Mastercard PayPass atau MyDebit tanpa sentuh.
 - Sentuh Kad Debit AmBank anda di hadapan alat pembaca kad selamat.
 - Apabila bayaran telah diterima, nantikan bunyi beep dan nyalaan lampu hijau.
 - Sekiranya semua pembelian berada dalam lingkungan had pembelian tanpa sentuh, transaksi anda telah berjaya. PIN tidak diperlukan. Anda boleh mengambil pembelian anda. Dapatkan resit dari juruwang sekiranya anda memerlukannya.
19. Bolehkah saya membuat pembelian tanpa disedari sekiranya saya berjalan melepasi alat pembaca tanpa sentuh?
- Tidak, juruwang perlu mengaktifkan terminal tanpa sentuh terlebih dahulu dan kemudian memasukkan jumlah pembayaran. Di samping itu, kad tersebut hendaklah berada dekat dengan terminal, dalam jarak 2 sm (1 inci).
20. Apakah kemungkinan bayaran dibuat sebanyak dua kali di alat pembaca tanpa sentuh?
- Tidak tanpa peruncit meminta anda untuk membuat transaksi pada kali kedua. Pembaca tanpa sentuh hanya boleh membuat satu transaksi pada satu masa. Sebagai langkah keselamatan, setiap transaksi hendaklah diselesaikan atau tidak sah sebelum membuat transaksi lain.
21. Bolehkah butiran kad saya dipintas dan dibaca oleh penipu menerusi pembaca tanpa sentuh yang berdekatan dompet saya?
- Tanpa sentuh hanya berfungsi apabila kad berada sangat dekat dengan pembaca kad. Ini menjadikan sebarang pintasan terhadap butiran kad amat sukar ketika kad sedang digunakan. Setiap alat pembaca kad turut mengandungi teknologi penyulitan yang selamat (sama seperti Cip dan PIN) terkini berdasarkan piawaian seluruh industri.
22. Adakah akaun saya yang dihubungkan dengan kad debit tanpa sentuh akan dicaj sekiranya penipu meletakkan pembaca tanpa sentuh berdekatan dengan dompet saya (seluk saku secara elektronik)?
- Transaksi tanpa sentuh hanya boleh berlaku apabila kad berada rapat dengan pembaca kad. Jarak pembaca yang rapat mengurangkan risiko cubaan penipu untuk membuat transaksi tanpa kebenaran. Sila lebih berhati-hati sekiranya terdapat seseorang berada terlampau dekat dengan anda.
23. Bolehkah penipu mencuri kad tanpa sentuh saya dan menggunakannya untuk mengosongkan akaun bank saya? Apakah had jumlah transaksi untuk transaksi tanpa sentuh?
- Transaksi tanpa sentuh dilindungi dengan had tersedia sebanyak RM1,000 sehari dengan jumlah maksimum RM250 untuk setiap transaksi. Pihak bank mungkin akan menyemak semula had tersebut dari semasa ke semasa. Jika melebihi had, PIN mungkin diperlukan oleh pembaca/terminal bank tertentu.
24. Saya telah membaca and memahami ciri pembelian tanpa sentuh Kad Debit AmBank dan saya masih tidak selesa untuk menggunakan ciri ini. Bagaimana cara saya boleh menyahaktifkan fungsi ini?

Frequently Asked Questions for "AmBank Debit Card"

(i) Debit VISA AmBank

(ii) Debit Mastercard AmBank

(iii) Debit Mastercard TRUE by AmBank

Version: 20 September 2024

- Anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami melalui nombor talian 03-21788888 yang beroperasi setiap hari dari pukul 7 pagi sehingga 11 malam atau kunjungi cawangan AmBank terdekat untuk menyahaktifkan ciri tanpa sentuh Kad Debit AmBank anda.
25. Apakah definisi transaksi Tanpa Kad?
- Transaksi Tanpa Kad merupakan transaksi kad yang di buat di mana Pemegang Kad atau kad tidak dikemukakan secara fizikal (contoh tidak bersemuka) kepada peniaga apabila pembayaran dibuat.
 - Transaksi Tanpa Kad termasuk transaksi dalam talian (internet), transaksi pesanan mel dan pesanan telefon.
26. Apakah definisi transaksi luar negara?
- Transaksi luar negara merupakan transaksi yang dilakukan di luar Malaysia. Ini termasuk transaksi pembelian runcit atau pengeluaran tunai di mesin ATM di luar negara.
27. Bagaimana saya boleh mengaktifkan Kad Debit AmBank untuk penggunaan transaksi Tanpa Kad dan luar negara?
- Pengaktifan untuk fungsi transaksi Tanpa Kad dan luar negara boleh dibuat melalui mana-mana saluran yang berikut:
 - a) Kemaskini "Debit Card Usage Settings" melalui AmBank AmOnline.
 - b) Hubungi Pusat Panggilan kami melalui nombor talian 03-21788888 yang beroperasi setiap hari dari pukul 7 pagi sehingga 11 malam.
 - c) Kunjungi mana-mana cawangan AmBank.
 - d) Layan diri melalui ATM (pengaktifan untuk penggunaan transaksi luar negara sahaja).
28. Perlukah saya mengaktifkan kad setiap kali saya ingin menggunakan kad saya untuk transaksi Tanpa Kad atau luar negara?
- Tidak, anda hanya perlu mengaktifkan Kad Debit AmBank anda sekali sahaja dan kad tersebut akan sentiasa aktif untuk transaksi Tanpa Kad atau luar negara.
29. Adakah permohonan transaksi Tanpa Kad atau luar negara saya akan berkuatkuasa serta-merta?
- Ya, anda boleh terus menggunakan kad anda dengan serta-merta untuk transaksi Tanpa Kad atau luar negara selepas permohonan pengaktifan dibuat.
30. Saya telah mengaktifkan Kad Debit AmBank untuk transaksi Tanpa Kad atau luar negara. Bolehkah saya menyahaktifkannya pada bila-bila masa dan bagaimanakah caranya?
- Ya, penyahaktifan boleh dibuat melalui mana-mana saluran yang berikut:
 - a) Kemaskini "Debit Card Usage Settings" melalui AmBank AmOnline.
 - b) Hubungi Pusat Panggilan kami melalui nombor talian 03-21788888 yang beroperasi setiap hari dari pukul 7 pagi sehingga 11 malam.
 - c) Kunjungi mana-mana cawangan AmBank.
 - d) Layan diri melalui ATM (penyahaktifan untuk penggunaan transaksi luar negara sahaja).
31. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal mengaktifkan kad saya untuk penggunaan transaksi tanpa kad atau luar negara?
- Sekiranya anda tidak mengaktifkan kad anda untuk kedua-dua perkhidmatan ini, semua transaksi tanpa kad atau luar negara anda akan ditolak.
32. Apakah risiko sekiranya saya memilih untuk mengaktifkan kad saya untuk penggunaan tanpa kad/luar negara?
- Apabila transaksi tanpa kad atau luar negara dilakukan, terdapat risiko data Pemegang Kad dikompromi atau maklumat kad digunakan untuk pembelian tanpa kebenaran dan/atau pengeluaran tunai. Oleh kerana prosedur penerimaan kad di terminal POS berkemungkinan lain dari satu negara ke negara lain, risiko data kad anda dikompromi adalah lebih tinggi di sesetengah negara yang akan mengakibatkan transaksi tanpa kebenaran/penipuan. Sekiranya terdapat transaksi tanpa kebenaran, sila hubungi Pusat Panggilan kami serta-merta melalui 03-21788888 dan pegawai khidmat pelanggan kami akan memberi nasihat untuk langkah-langkah seterusnya.
33. Apakah sebab yang mengakibatkan transaksi Kad Debit AmBank ditolak. Antara sebab-sebabnya adalah:
- Jika anda belum membuat pertukaran pin kali pertama.
 - Dana tidak mencukupi di dalam Akaun Simpanan atau Semasa AmBank/AmBank Islamic atau disebabkan jumlah pra-kebenaran ditahan.
 - Jumlah transaksi melebihi had pembelian harian yang telah ditetapkan.
 - Jika Transaksi Tanpa Kad (termasuk transaksi dalam talian/internet, transaksi pesanan mel dan pesanan telefon) ditolak, anda mungkin belum mengaktifkan fungsi Tanpa Kad sebelum melaksanakan transaksi tersebut.

Frequently Asked Questions for “AmBank Debit Card”

(i) Debit VISA AmBank

(ii) Debit Mastercard AmBank

(iii) Debit Mastercard TRUE by AmBank

Version: 20 September 2024

- Jika transaksi dalam talian/luar negara anda ditolak, anda mungkin belum mengaktifkan fungsi transaksi dalam talian/luar negara sebelum melaksanakan transaksi.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan kami melalui 03-21788888 beroperasi setiap hari dari pukul 7 pagi sehingga 11 malam atau e-mel customercare@ambankgroup.com.